

15 MAY 2000

Mahathir-Pelajar

UMNO AKAN HANTAR BEKAS PELAJAR UNTUK DAMPINGI PELAJAR IPT

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Umno akan menghantar bekas anggota kelab Umno luar negara untuk berdamping dengan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan luar negara, sekaligus mengubah dasar parti yang sebelum ini tidak mahu melibatkan pelajar dengan politik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Umno sekarang sedang mencari orang yang sanggup rapat dengan pelajar-pelajar bagi membawa balik mereka ke jalan yang benar dan tidak terus dihasut oleh golongan tertentu.

Katanya, beliau akan meminta jawatankuasa pertubuhan alumni kelab-kelab umno luar negara supaya menyenaraikan anggota-anggota mereka yang berbakat dan sanggup menjadi sukarelawan untuk dihantar mendampingi pelajar-pelajar di dalam dan luar negara.

"Kita tak boleh amalkan cara dulu yang mana kita mahukan pelajar lebih menumpukan perhatian kepada pelajaran. Apa yang kita lihat sekarang, yang terpelajar sekarang lebih benci kepada orang yang menolong mereka kerana dari universiti lagi mereka telah dihasut," katanya semasa berucap pada majlis pelancaran pertubuhan alumni kelab-kelab umno luar negara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, dahulu Umno hanya menubuhkan kelab Umno di luar negara yang lebih bersifat sosial kerana tidak mahu pelajar terlalu aktif dalam politik, tetapi kebanyakan penuntut yang ada sekarang bukannya suka menyertai kelab Umno tapi lebih suka menyertai kelab lain, seperti kelab Abim.

"Hari ini kita akan lebih merapatkan diri di sekolah, universiti bahkan tadika, sebab di tadika juga sudah ada unsur hasutan, seperti gambar-gambar saya diconteng dan ditikam. Jika ini terus dibenarkan, orang-orang Malaysia tidak akan ada nilai-nilai baik tetapi bermusuhan," katanya.

Dr Mahathir berkata Kelab Umno luar negara yang sedia ada kurang aktif, dan antara puncanya ialah bilangan pelajar Malaysia yang tidak ramai.

"Tetapi masih perlu usaha kenalkan politik dalam negara, supaya mereka tahu apa sebenarnya yang berlaku dan mereka tidak mudah dihasut. Saya rasa yang hadir di sini malam ini bersyukur dan mahu membayar hutang pada masyarakat," katanya.

Dr Mahathir berkata rasa bersyukur kurang wujud sekarang, kerana ramai yang mendapat biasiswa dan peluang melanjutkan pelajaran menganggap ianya perkara biasa.

Katanya, kerajaan mahu mendapatkan kerjasama golongan profesional Melayu bagi menangani masalah keruntuhan akhlak di negara ini, terutamanya yang melibatkan orang Melayu.

"Apa sahaja yang kurang baik berlaku, ia melibatkan orang Melayu. Bilangan terlibat dalam dadah paling banyak melibatkan Melayu, yang mengidap HIV dan runtuh akhlak juga paling banyak orang Melayu berbanding kaum lain," katanya.

Beliau berkata perlu ada usaha mengembalikan akhlak baik dan ini boleh dimulakan dengan menangkis dan menghapuskan budaya rasuah di kalangan masyarakat.

Presiden Umno itu berkata beliau sedih kerana permintaan beliau untuk menghapuskan rasuah semasa Perhimpunan Agung Umno minggu lepas kurang mendapat sambutan kerana ada yang menganggap tidak salah menerima sedikit habuan sebagai membalas jasa.

"Jika itulah sikap kita, ia akan menjadi permulaan runtuhnya moral kita, apa sahaja yang hendak dibuat, kena hulur sikit. Apabila sampai tahap itu, kita tak boleh kikis budaya itu dan sukar bagi negara terus maju," katanya.

Beliau berkata amalan rasuah akan memberi tekanan pada golongan miskin,

terutamanya orang Melayu dan beliau berharap golongan terpelajar akan menangkis amalan buruk itu.

Dr Mahathir berkata beliau berharap alumni yang dilancarkan hari ini akan menggerakkan dan membakar semangat untuk membangunkan bangsa, dan beliau berjanji akan memberikan perhatian terhadap perkembangannya.

Antara yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, dan beberapa menteri Kabinet.

-- BERNAMA

AR RI